

media PERMATA

AKHBAR HARIAN UNGGUL
BRUNEI DARUSSALAM

www.brunei-online.com/mp

Lapangan terbang dipenuhi
anggota keluarga pelajar
pergi ke United Kingdom
Muka 3

Warga Iran paling ramai
jadi mangsa nahas pesawat
di kalangan warga asing
Muka 8

Arab Saudi cadang bina
tembok sempadan Iraq
untuk jauhi militan
Muka 29



Jilid: MP10/045

Rabu, 19 September 2007

MEMOHON LESEN MELALUI TALIAN

program latihan SPD berjalan lancar

Oleh Mohd Asyramisyane Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa – Program Sistem Pengangkutan Darat (SPD) yang menggunakan teknologi tinggi maklumat berjalan lancar dengan pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Darat kini mengikuti kursus intensif ke arah penggunaan sistem itu.

Sistem yang menelan belanja kira-kira \$8 juta apabila siap kelak akan membawa perubahan besar dalam pemprosesan dokumen pengangkutan darat daripada sistem konvensional kepada sistem teknologi tinggi.

SPD akan membolehkan Jabatan Pengangkutan Darat mengeluarkan lesen memandu dan buku pendaftaran kenderaan menggunakan teknologi kad boleh dibaca oleh mesin (Machine Readable Card – MRC) dan dokumen boleh dibaca oleh mesin (Machine Readable Document – MRD).

Projek ini turut menempatkan rangkaian sistem antara Jabatan Pengangkutan Darat dan pelbagai organisasi kerajaan dan swasta seperti syarikat insurans, pengedar kereta dan institusi kewangan di samping membolehkan orang awam membuat urusan secara talian.

Antara urusan yang boleh dibuat melalui talian ialah pembaharuan lesen memandu dan cukai jalan selain sistem itu juga mampu memberi maklumat tepat dan cepat yang sekali gus meningkatkan kecekapan dan menangani aktiviti penipuan, kata kenyataan jabatan berkenaan.

Projek bernilai \$8 juta diserahkan kepada Oak Chem Sdn Bhd pada Mei 2006 untuk dilaksanakan.

Bagi memastikan latihan ke arah penggunaan SPD berjalan lancar, Menteri Perhubungan Pehin Dato Seri Haji Abu Bakar Haji Apong hari ini meninjau sesi kursus latihan sistem itu yang dijayakan oleh Nova City (S) Pte Ltd.

Latihan itu bertujuan memberi pengenalan kepada kakitangan Jabatan Pengangkutan Darat mengenai SPD dan memudahkan peralihan serta penggunaan sistem itu kelak.

Pehin Dato Seri Haji Abu Bakar (berdiri,



M
le
pr

KUALA LUMPUR
nama bel
pemerhat
tahun ini
serangga
kanan.

Pender
China dai
diletakkan
kerana m
membaw
lahan ant
keselamat

Pengh
Malaysia
buah su
sayur jen
Makanan
Kesihatan
buah pada

Abdul
banyak p
tahun lalu
didapati
"meningk

"Kepri
makanan
selamat,"

Abdul
bukannya
makanan
lembu Eric
tertakluk

Jika uji
di bawah
hantaran
sebelum c
taran asa
daripada

serta-meri
Pengh
menepat
dimusnah

Abdul F